

## SPATIAL MODELING VARIOUS TYPES OF SLOPE FAILURE USING ARTIFICIAL NEURAL NETWORK (ANN) IN PULAU PINANG, MALAYSIA

## PEMODELAN RUANGAN PELBAGAI JENIS KEGAGALAN CERUN MENGGUNAKAN RANGKAIAN SARAF BUATAN (ANN) DI PULAU PINANG, MALAYSIA

Nuriah Abd Majid<sup>a</sup>, Ruslan Rainis<sup>b</sup>, Wan Mohd Muhiyuddin Wan Ibrahim<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>b</sup>Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

### Article history

Received

6 July 2017

Received in revised form

16 February 2018

Accepted

28 February 2018

Published online

3 June 2018

\*Corresponding author  
nuriah@ukm.edu.my

### Graphical abstract



### Abstract

This paper discusses the modeling of various types of slope failure using the artificial neural network (ANN) in Penang. Slope failure areas identified by field trips. However, the existing models do not categorize the various types of slope failure, therefore the model to be developed will categorize a variety of types of slope failure has occurred. The objective of the study is to model various types of slope failure using an artificial neural network (ANN). A total of 12 variables that influence the occurrence of slope failure is used to develop spatial model of slope failure. Among the factors are distant from slope failure to road, distant from slope failure to river, distant from slope failure to lineament, lithology, land use, soil series, average annual rainfall, slope aspect, slope steepness, topographic elevation (DEM), the curvature of the slope and vegetation index. The results of this study show a satisfactory performance in which the accuracy of the original model is 76.63%. The performance of the model is evaluated using independent data set of 20%, and the accuracy of 73.85%.

*Keywords:* Slope Failure, Artificial Neural Network (ANN), GIS, spatial model, Pulau Pinang

### Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan pemodelan pelbagai jenis kegagalan cerun menggunakan aplikasi rangkaian saraf buatan (ANN) di Pulau Pinang. Kawasan kegagalan cerun dikenal pasti berdasarkan lawatan lapangan. Walau bagaimanapun model yang sedia ada tidak mengkategorikan pelbagai jenis kegagalan cerun, oleh yang demikian model yang akan dibangunkan akan mengkategorikan pelbagai jenis kegagalan cerun yang telah berlaku. Objektif kajian adalah memodelkan pelbagai jenis kegagalan cerun menggunakan rangkaian saraf buatan (ANN). Sebanyak 12 faktor pembolehubah yang mempengaruhi kejadian kegagalan cerun digunakan untuk membangunkan model ruang kegagalan cerun. Antaranya faktor tersebut ialah jarak kegagalan cerun ke jalan, jarak kegagalan cerun ke sungai, jarak kegagalan cerun ke lineamen, jenis litologi, jenis gunatanah, siri tanah, purata hujan tahunan, aspek cerun,

kecuraman cerun, ketinggian topografi (DEM), kelengkungan cerun dan indeks tumbuhan. Hasil kajian ini menunjukkan pencapaian yang memuaskan di mana model asal menunjukkan peratusan kejadian kegagalan cerun yang diramalkan tepat ialah sebanyak 76.63%. Pencapaian model dinilai dengan menggunakan set data bebas sebanyak 20% dari kejadian kegagalan cerun. Penilaian ketepatan adalah sebanyak 73.85%.

*Kata kunci:* Kegagalan cerun, Rangkaian saraf buatan (ANN), GIS, model ruangan, Pulau Pinang

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

## 1.0 PENGENALAN

Kegagalan cerun telah menyumbang kepada kerugian harta benda, infrastruktur, kehilangan nyawa dan kemusnahan alam sekitar melibatkan kos berjuta dolar di seluruh dunia (Raghuvanshi *et al.*, 2014; Pradhan dan Lee, 2010; Kanungo *et al.*, 2006; Crozier dan Glade, 2005; Dai *et al.*, 2002).

Kegagalan cerun merupakan suatu proses yang kompleks yang menyebabkan perubahan parameter dalaman dan luaran yang mencetuskan proses kegagalan cerun. Parameter dalaman yang mengawal keadaan kestabilan cerun adalah faktor geologi (seperti litologi atau jenis tanah, ketakselajaran struktur, kekuatan ricih bahan dan air bawah tanah), geometri cerun (seperti kecuraman cerun, aspek, ketinggian dan kelengkungan), penggunaan tanah dan litupan tanah (Raghuvanshi *et al.*, 2014; Wang and Niu, 2009; Ayalew *et al.*, 2004). Menurut Tjia (1987) kegagalan cerun ditakrifkan sebagai pergerakan jisim tanah dan puing batuan yang besar menuruni bukit akibat tindakan graviti. Ia melibatkan jisim bahan yang besar berlaku dengan amat pantas menyebabkan bahaya kerana kerosakan besar yang boleh berlaku terhadap harta benda dan nyawa. Justeru, peningkatan kejadian kegagalan cerun akan mengundang kepada pelbagai masalah ekoran kawasan tanah tinggi menjadi tumpuan pemaju untuk dibangunkan seperti kajian Nuriah (2017); Kannan *et al.*, (2013); Sharma *et al.*, (2013); dan Alimohammadlou *et al.*, (2013); Hal ini kerana kegagalan cerun merupakan suatu fenomena yang kompleks dalam ruang masa hasil daripada interaksi faktor seperti geologi, geomorfologi, fizikal dan manusia (Varnes, 1978; Cruden & Varnes, 1996; Knapen *et al.*, 2006; dan Goetz *et al.*, 2011). Antara parameter yang mencetuskan ketidakstabilan cerun adalah seismik (Bommer *et al.*, 2002; Keefer, 2000; Parise dan Jibson, 2000), hujan (Dahal *et al.*, 2006; Dai dan Lee, 2001; Collison *et al.*, 2000) dan aktiviti buatan manusia (Wang dan Niu, 2009).

Sejak beberapa tahun yang lalu, para penyelidik telah melakukan penilaian risiko kegagalan cerun,

ramalan dan penzonan kegagalan cerun menerusi pelbagai pendekatan. Antara pendekatan yang digunakan dalam penilaian bencana kegagalan cerun adalah penilaian kepakaran, kaedah statistik dan penilaian deterministik (Leroi, 1997; Guzzetti *et al.*, 2004; Fall *et al.*, 2006; Kanungo *et al.*, 2006).

Teknik penilaian pakar boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu pemetaan inventori dan pendekatan heuristik (Fall *et al.*, 2006). Pemetaan inventori adalah kaedah yang mudah di mana kejadian kegagalan cerun direkodkan bagi lokasi dan ukuran masing-masing (Dai *et al.*, 2002; Fall *et al.*, 2006). Kelemahan kaedah ini adalah menunjukkan kecenderungan bagi kawasan-kawasan kegagalan cerun yang telah diperhatikan. Walau bagaimanapun, ia mungkin tidak memberikan maklumat mengenai kecenderungan kejadian kegagalan cerun bagi kawasan-kawasan yang mungkin mempunyai potensi kegagalan cerun untuk masa depan (Casagli *et al.*, 2004).

Kaedah statistik digunakan untuk menilai kestabilan cerun berdasarkan hubungan antara faktor-faktor penyebab (Carrara *et al.*, 1992). Dalam pendekatan ini, penilaian bencana kegagalan dibuat secara tidak langsung menggunakan kaedah statistik dengan memberi sumbangan relatif kepada parameter ketidakstabilan kegagalan cerun (Westen, 1994). Dai dan Lee (2001) menyimpulkan kegagalan cerun dapat dinilai dengan menggunakan pemberat bagi setiap faktor pembolehubah. Kelemahan utama kaedah statistik berkaitan dengan kualiti dan kekerapan data kejadian kegagalan cerun dan faktor-faktor berkaitan yang terlibat dalam menghasilkan korelasi statistik (Fall *et al.*, 2006).

Pendekatan deterministik menyediakan analisis bahaya dalam bentuk faktor keselamatan atau kebarangkalian. Ia menyediakan hasil kuantitatif bagi bencana kegagalan cerun digunakan secara langsung dalam reka bentuk kejuruteraan. Pendekatan deterministik memerlukan data geoteknik terperinci, geometri cerun, geologi, dan data geoteknik boleh digunakan pada skala yang besar sahaja (Barredo *et al.*, 2000). Kaedah deterministik memerlukan analisis terperinci dan

hanya boleh digunakan bagi cerun tunggal (Fall *et al.*, 2006). Setiap satu pendekatan ini mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri (Raghuvanshi *et al.*, 2014; Fall *et al.*, 2006; Kanungo *et al.*, 2006; Casagli *et al.*, 2004; Guzzetti *et al.*, 1999; Leroi, 1997). Semua kaedah mempunyai tahap ketepatan tertentu kerana parameter dipertimbangkan berdasarkan data yang diproleh (Carrara *et al.*, 1995).

Kebanyakan teknik yang digunakan bagi penilaian kegagalan cerun memerlukan jumlah data yang besar mengenai pelbagai penyebab. Jenis data yang diperlukan bergantung kepada skala kajian dan teknik yang digunakan bagi penilaian bahaya kegagalan cerun. Bagi tujuan analisis yang besar jumlah data dan analisis sistem maklumat geografi diperlukan (GIS) (Lan *et al.*, 2004; Carrara *et al.*, 1995). Banyak kajian telah dijalankan dalam penilaian bahaya kegagalan cerun menggunakan GIS seperti yang telah digunakan oleh Nuriah, 2017; Peng *et al.*, (2012); Kanungo *et al.*, (2006); Ayalew dan Yamagishi, (2004); Sarkar dan Kanungo, (2004); Lee & Min, (2001); dan Carrara *et al.*, (1995). Guzzetti *et al.*, (1999) meringkaskan kajian penilaian bahaya kegagalan cerun. Kajian digunakan dengan menggunakan model kebarangkalian (Akgun *et al.*, 2008; Dahal *et al.*, 2008; Clerici *et al.*, 2002; Lee dan Talib 2005; Lee dan Pradhan 2006). Model regresi logistik juga telah digunakan untuk pemetaan bahaya kegagalan cerun (Akgun dan Bulut 2007; Tunusluoglu *et al.*, 2008; Lamelas *et al.*, 2008; Wang dan Sassa 2005; Atkinson dan Massari 1998; Suzen dan Doyuran 2004; Dai dan Lee 2002) di kawasan yang berlainan di dunia. Model geoteknikal dan model faktor keselamatan juga telah digunakan oleh ramai penyelidik (Gokceoglu *et al.*, 2000; Romeo (2000); Rece dan Capolongo (2002); Carro *et al.*, 2003; Zhou *et al.*, 2003; Youssef *et al.*, 2009). Penilaian kegagalan cerun menggunakan GIS, termasuk menggunakan fuzzi logik, dan model ANN telah digunakan di kawasan lain (Ercanoglu dan Gokceoglu 2002; Lee dan Pradhan 2007; Pradhan *et al.*, 2009; Choi *et al.*, 2010).

Kegagalan cerun kerap berlaku di Malaysia disebabkan oleh hujan lebat terutama pada musim tengkujuh disebabkan oleh Monsun Barat Daya dari akhir Mei hingga September, dan monson Timur Laut dari bulan November hingga Mac. Menurut Tay *et al.*, (2014) kegagalan cerun adalah sukar diramalkan, namun demikian kegagalan cerun dapat dikelaskan kepada beberapa kategori. Oleh yang demikian, mengenalpasti kawasan berisiko tinggi adalah penting dalam ramalan kegagalan cerun.


Sebelum ini, tidak begitu banyak kajian kegagalan cerun di Pulau Pinang. Lee dan Pradhan (2007) membuat kajian berkaitan dengan bencana dan risiko kegagalan cerun menggunakan model nisbah kekerapan, kaedah logistik regresi dan rangkaian saraf buatan (ANN). Walau

bagaimanapun kajian yang dilakukan lebih bersifat agregat iaitu kejadian kegagalan cerun tanpa mengambilkira jenis kegagalan cerun yang berlaku. Oleh yang demikian kajian ini mengambil inisiatif untuk menilai kejadian pelbagai jenis kegagalan cerun. Hal ini kerana jenis kegagalan cerun yang berbeza mempunyai ciri-ciri berbeza serta risiko dan langkah pencegahan adalah berbeza. Tujuan kajian ini adalah menghasilkan peta kebolehtahanan kegagalan cerun berdasarkan pelbagai jenis kegagalan cerun yang berbeza di Pulau Pinang dengan menggunakan kaedah ANN. Untuk tujuan ini, data dikumpulkan berdasarkan parameter yang digunakan bagi mengkaji kegagalan cerun di kawasan kajian. Seterusnya pengiraan nisbah kekerapan dilakukan bagi setiap pembolehubah dan pelbagai jenis kegagalan cerun. Akhirnya, peta kebolehtahanan kegagalan cerun pelbagai jenis dihasilkan dan ketepatannya dibincangkan.

## 2.0 METODOLOGI

### 2.1 Kawasan kajian

Pulau Pinang terletak di Selat Melaka pada garis lintang latitud  $5^{\circ} 8' \text{ U} - 5^{\circ} 35' \text{ U}$  dan longitud  $100^{\circ} 8' \text{ B} - 100^{\circ} 32' \text{ B}$ . Menurut Banci Penduduk 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013), jumlah penduduk di Negeri Pulau Pinang seramai 1.6 juta orang iaitu 5.7% dari anggaran jumlah penduduk Malaysia. Kepadatan penduduk di Pulau Pinang seramai 1,505 orang bagi setiap km persegi. Rajah 1 menunjukkan kawasan kajian. Pulau Pinang adalah antara kawasan perbandaran terawal di Malaysia yang pesat membangun. Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan adalah 2.0 peratus. Hampir 50 peratus daripada Pulau Pinang adalah tanah tinggi. Penduduk yang bertambah meningkatkan permintaan dan projek pembangunan bagi menampung keperluan penempatan penduduk. Menurut Jabatan Meteorologi pada 2015 suhu Pulau Pinang adalah antara minimum  $24^{\circ} \text{ C}$  hingga maksimum  $30^{\circ} \text{ C}$ . Pulau Pinang mempunyai suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak. Terdapat pelbagai jenis guna tanah di Pulau Pinang, diantaranya adalah pertanian, pembangunan, penempatan, perindustrian, kemudahan, pendidikan dan banyak lagi. Geologi Pulau Pinang sebahagian besarnya terdiri daripada granit dan kuaternari.



Rajah 1 Kawasan kajian

## 2.2 Model Ruangan

Model ini menghubungkan kegagalan cerun dengan faktor ruangnya. Setiap faktor dan justifikasi kepentingan setiap pemboleh ubah yang dipertimbangkan dalam kajian ini akan dinyatakan secara terperinci pada perbincangan yang seterusnya.

$$C_m = f (F_1, F_2, F_3, F_4, F_5, F_6, F_7; L_1, L_2, L_3; P; M) \dots\dots (3.3)$$

di mana =  $C_m$  = Kegagalan cerun mengikut jenis cerun  $m$

$F_1$  = Siri tanah

$F_2$  = Kelengkungan cerun

$F_3$  = Aspek cerun

$F_4$  = Kecuraman cerun

$F_5$  = Litologi batuan

$F_6$  = Ketinggian topografi

$F_7$  = Indeks Tumbuhan

$L_1$  = Kegagalan cerun ke jalan

$L_2$  = Jarak kegagalan cerun ke sungai

$L_3$  = Jarak kegagalan cerun ke lineamen

$P$  = Purata hujan tahunan

$M$  = Jenis gunatanah

Menurut Hutchinson (1995), kegagalan cerun adalah hasil daripada evolusi atau pembangunan progresif melampau yang berlaku ke atas permukaan bumi dan yang nyata disebabkan oleh tindakan geologi, geomorfologi dan proses iklim tetapi juga kesan negatif daripada aktiviti manusia.

Menurut Mwaniki *et al.*, (2015) kegagalan cerun dan luluhawa tanah adalah sebahagian daripada permukaan proses geomorfologi yang memberi

kesan kepada rupa bumi yang berbeza-beza pada keadaan iklim menyebabkan anjakan penduduk dan kesan negatif ke atas alam sekitar (Ali mohammadlou *et al.*, 2013). Maklumat kejadian kegagalan cerun wujud dalam bentuk terperinci inventori dan peta bencana manakala di kawasan kegagalan cerun sering berlaku di mana tiada maklumat sedemikian wujud, penduduk terdedah kepada risiko cerun yang tidak stabil (Taherynia *et al.*, 2014). Bahaya kegagalan cerun masa depan mempunyai kebarangkalian yang tinggi berulang di bawah keadaan pencetus sama, oleh itu ia adalah penting untuk memetakan kegagalan cerun terdahulu, syarat dan proses yang menggalakkan ketidakstabilan dalam usaha untuk meramal dan menganggarkan kejadian masa depan (Guzzetti *et al.*, 2012). Walau bagaimanapun, kegagalan cerun boleh berlaku di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai sejarah aktiviti kegagalan cerun disebabkan oleh aktiviti manusia, perubahan topografi dan atau keadaan hidrologi (Highland & Bobrowsky, 2008). Pemetaan kegagalan cerun terjejas dan kawasan tanah terhakis oleh itu langkah keselamatan (Lee & Pradhan, 2006), dan juga bantuan penggunaan efisien mencukupi sumber berasaskan tanah oleh itu meningkatkan produktiviti sumber tanah.

Kajian ini bertujuan membina satu model kegagalan cerun yang pelbagai jenis. Oleh itu ia memerlukan satu kaedah yang mampu menyediakan keupayaan tersebut. Terdapat beberapa kaedah yang sesuai digunakan bagi memodelkan pelbagai jenis seperti analisis diskriminan, logistik regresi dan ANN, dan kajian ini menggunakan kaedah ANN kerana ia mampu mengendalikan 4 jenis, disamping kelebihan-kelebihan lain.

Kajian ini menggunakan kaedah ANN. Hal ini kerana kelebihan model ANN adalah berasaskan model fizikal dan berkemampuan untuk belajar hubungan set data yang kompleks (Lin *et al.*, 2009). ANN tidak perlu pendefinisian sistem, ANN bergantung pada parameter fizikal. Kaedah statistik memerlukan model fizikal atau matematik bagi menunjukkan pergantungan fungsi terhadap model output (Neaupane & Achet, 2004). Kaedah fizikal berdasarkan formula matematik yang meliputi analisis kestabilan cerun dengan menggunakan ANN bagi menghasilkan peta yang kompleks (Liu *et al.*, 2006). Choi *et al.*, (2009) pula menggunakan model ANN dalam pemetaan kegagalan dan pengujian model menggunakan data kegagalan cerun.

Selain itu ANN dapat membina model dengan meramal hasil dari input (Pradhan, 2011). ANN juga berkemampuan berhadapan dengan data yang tidak berstruktur, tidak lengkap dan tidak mempunyai pertalian yang jelas (Lee *et al.*, 2004). Menurut Maier & Dandy (2001), kaedah memproses data yang terdapat dalam model ANN juga membezakan model ini dengan model lain. Model

ANN adalah termasuk dalam kumpulan komputer berselari yang membenarkan pemprosesan maklumat berlaku secara serentak (Maier & Dandy, 1996; Dayhoff, 1990). Data-data ini diproses oleh sejumlah elemen pemprosesan yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Model ANN boleh memproses saiz data yang besar dalam masa yang sangat singkat (Maier & Dandy, 2001).

ANN menggunakan contoh daripada corak data latihan ini untuk menentukan corak data yang baru dan membuat penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi (Caniani *et al.*, 2007). ANN boleh belajar sendiri pengkorelasi tersembunyi dan sesuai untuk menyelesaikan masalah yang kompleks (Cai *et al.*, 1998). Analisis ANN boleh dijalankan dalam keadaan data yang lompong dan ANN bebas daripada pengedaran statistik data, dan tidak ada keperluan khusus parameter statistik (Lee *et al.*, 2004) dan Lee, (2009).

Hubungan antara neuron di dalam setiap lapisan telah menghubungkan berat, yang secara berulung diselaraskan oleh algoritma latihan untuk mengurangkan kesilapan dan menyediakan ramalan yang tepat, (IBM, 2012). ANN merupakan rangkaian saraf biologi yang meniru sistem otak manusia dan menggunakan fungsi matematik nonlinear (Turban & Aronson, 2001); dan Abdul Ghani, (2005). Penggunaan kaedah ini dapat mengenalpasti hubungan antara pembolehubah kompleks dalam statistik. ANN adalah mekanisme komputer yang boleh memaparkan, mengira dan memetakan pelbagai maklumat seperti kajian Garrett (1994); Paola & Schowengerdt, (1995) dan Atkinson & Tatnall, (1997). Metod ANN dapat membezakan kelas antara data berdasarkan statistik oleh Pradhan & Lee, (2010b). Penentuan parameter bagi setiap lapisan nod tersembunyi, jumlah nod di lapisan tersembunyi yang berkaitan dengan ANN secara tidak langsung untuk mendapatkan hasil yang optimum. Menurut Paliwal & Kumar, (2009) kaedah ANN adalah proses yang sangat memakan masa. ANN merupakan sistem pemprosesan selari yang berupaya menyimpan pengetahuan latihan (Gopal, 1998). ANN terdiri daripada nod-nod dan elemen pemprosesan yang saling berkait menggunakan algoritma untuk belajar dan menyimpan pengetahuan dalam nod tersembunyi untuk pemprosesan dalam latihan oleh Abdul Ghani Sarip, (2005); Pradhan, (2011). Perisian ini berkemampuan untuk membina sebuah model, kaedah yang memperbaiki ketepatan model yang dengan menyesuaikan algoritma menurut Elder *et al.*, (2003); Pearl & Bar-Or, (2009). ANN ini dibangunkan dengan menggunakan model matematik, ANN adalah sistem yang fleksibel yang semakin digunakan dalam model ramalan.

Setiap neuron memproses elemen dan memberi respon pada input dari nod-nod lain oleh Poudyal *et al.*, (2010); Atkinson & Tatnall, (1997). Input-input yang dilatih adalah proses untuk meramal hasil (Poudyal *et*

*al.*, 2010). Corak latihan dapat menunjukkan interaksi dalam *feed forward* untuk menghasilkan hasil dan menunjukkan kesalahan dalam rangkaian (Poudyal *et al.*, 2010). Data ujian mestilah berbeza dari data latihan bagi mendapatkan ketepatan yang baik (Pradhan *et al.*, 2010).

ANN menggunakan struktur seni bina *Multilayer perceptron* (MLP) terdiri daripada lapisan input, atau lebih lapisan tersembunyi dan lapisan hasil. Data dimasukkan ke dalam lapisan input dan diubah oleh pemberat dan neuron seperti yang mengalir melalui rangkaian. Hasil rangkaian transformasi keputusan yang membentuk hubungan antara neuron dan pemberat.

Model ANN telah diaplikasi dalam pelbagai bidang, tidak ketinggalan juga dalam bidang kegagalan cerun. ANN dalam kegagalan cerun sudah tidak asing lagi bagi mendapatkan model ramalan yang baik. Terdapat ramai pengkaji menggunakan aplikasi ANN dalam kajian mereka. Antara pengkaji yang menggunakan ANN dalam kajian mereka adalah Gomez & Kavzoglu, (2005); Lee & Pradhan, (2007); Pradhan & Pirasteh, (2010); Conforti *et al.*, (2014); Nuriah, (2017); Ercanoglu & Gokceoglu, (2002); Pistocchi *et al.*, (2002); Lee *et al.*, (2004); Tangestani, (2004); Lee (2007); Pradhan *et al.*, (2009); Pradhan & Lee, (2010b); Poudyal *et al.*, (2010); Choi *et al.*, (2010); Chauhan *et al.*, (2010); Lin *et al.*, (2009); dan Kawabata *et al.*, (2009).

Pengkaji menggunakan pembolehubah yang berlainan dalam kawasan kajian yang berbeza. Hal ini kerana pemodelan menggunakan ANN mampu menghasilkan dan meramal kawasan yang bakal berlakunya kegagalan cerun di masa akan datang. Choi *et al.*, (2010) telah menggunakan model ANN dalam pemetaan kerentanan kegagalan cerun pengesahan model dilakukan menggunakan data kegagalan cerun yang sedia ada. Choi *et al.*, (2010) mencapai ramalan ketepatan (81.36%). Selain itu Nefeslioglu *et al.*, (2008) menunjukkan bahawa ANN memberi penilaian yang lebih optimis terhadap kerentanan kegagalan cerun daripada analisis regresi logistik, manakala Melchiorre *et al.*, (2008) meningkat keupayaan ramalan dan keteguhan ANN dengan memperkenalkan analisis kelompok. Selain itu, Kanungo *et al.*, (2006) menunjukkan bahawa peta kegagalan cerun berasal dari ANN digabungkan dan prosedur fuzzy adalah yang terbaik di kalangan teknik pemberat lain.

Penilaian kerentanan kegagalan cerun menggunakan GIS dan ANN telah digunakan oleh penyelidik di negara-negara yang berbeza Pistocchi *et al.*, (2002); Lee *et al.*, (2004); Pradhan *et al.*, (2009) telah digunakan dengan tapak latihan yang berbeza bagi kegagalan dan analisis risiko di Pulau Pinang di Malaysia. Pradhan dan Lee (2007) telah menghasilkan peta kerentanan kegagalan cerun dan analisis risiko untuk Pulau Pinang menggunakan nisbah kekerapan dan model regresi logistik. Model-model ini tidak memberikan pemberat kepada

parameter penyebab kegagalan cerun. Penentuan pemberat boleh dilakukan melalui ANN.

Selain itu, kajian baru-baru ini di universiti tempatan telah mendedahkan bahawa lebih banyak kajian diperlukan untuk pembangunan model baru untuk mendapatkan keputusan terbaik ketepatan dalam analisis bahaya kegagalan cerun. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menentukan pemberat bagi parameter penyebab menggunakan data yang ada dan membangunkan model itu untuk menguji dalam suasana Malaysia.

### 2.3 Pengumpulan Data


Kawasan kajian adalah antara lokasi yang sering berlaku bencana kegagalan cerun. Sebanyak 323 titik kegagalan cerun telah dikenalpasti di kawasan kajian. Rajah 3a, b, c, dan d menunjukkan contoh-contoh kegagalan cerun di kawasan lapangan. Pemetaan kawasan kegagalan cerun di lapangan dilakukan dengan menggunakan alat Sistem Pertetakan Global (GPS). Koordinat longitud dan latitud bagi setiap kegagalan cerun direkodkan untuk memetakan lokasinya. Kejadian sebenar di lapangan diwakili dengan titik.

Untuk keperluan permodelan dan analisis seperti yang lazim dipraktikkan dalam literatur kejadian sebenar harus diimbangi dengan lokasi yang tiada kegagalan cerun untuk kajian ini (Ballabio & Sterlaechini, 2012; Pourtaghi & Poughasemi, 2014; Sharma *et al.*, 2014; dan Hong *et al.*, 2016). Jumlah data kegagalan cerun rawak yang mewakili (iaitu tiada kegagalan cerun) mestilah sama dengan jumlah kegagalan cerun sebenar seperti kajian (Wan Mohd Muhiyuddin, 2005). Titik-titik ini mewakili kawasan spesifik yang merekodkan keadaan fizikal tertentu yang akan dianalisis bagi membangunkan model ruangan kegagalan cerun di kawasan lapangan. Oleh itu, sebanyak 323 titik yang mewakili lokasi tiada kegagalan cerun dipilih secara rawak. Manakala titik random diperolehi dari analisis *Randomise* yang dilakukan menggunakan perisian *Idrisi 32 for Window, Release 2*. Titik tiada kegagalan cerun dikategori sebagai status 0, manakala titik sebenar diwakili berdasarkan jenis kegagalan cerun.

Dalam pembangunan pangkalan data, hasil titik yang digabungkan antara titik jenis kegagalan cerun dengan titik tiada kegagalan cerun akan ditukarkan kepada format raster. Format raster, saiz piksel atau unit terkecil dalam imej yang selalunya berbentuk segi empat tepat ialah 30m x 30m. Jadual 1 menunjukkan taburan jenis kegagalan cerun dan tiada kegagalan cerun. Manakala Rajah 2 menunjukkan taburan kes jenis kegagalan cerun dan tiada kegagalan cerun. Manakala Rajah 3a, b, c, dan d menunjukkan contoh jenis kegagalan cerun yang berlainan yang terdapat di kawasan kajian.

Jadual 1 Taburan jenis kegagalan cerun

Jenis kegagalan cerun	Perwakilan	Bilangan
Aliran	1	30
Runtuhan Batuan	2	102
Gelongsoran	3	161
Tumbang	4	30
Tiada Kegagalan cerun	0	323
Jumlah		646



Rajah 2 Taburan kes kegagalan cerun



(a) Kegagalan cerun translasi



(b) Kegagalan cerun Batuan



(c) Kegagalan cerun aliran



(d) Kegagalan cerun tumbang

**Rajah 3** Contoh-contoh kegagalan cerun di kawasan lapangan

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kegagalan cerun. Namun kajian ini hanya menggunakan 12 faktor pembolehubah. Pemilihan faktor pembolehubah sangat penting dalam pembangunan model ruangan kegagalan cerun. Persamaan 3.3 menunjukkan fomulasi umum model ruangan kegagalan cerun yang dibangunkan bagi faktor pembolehubah tersebut boleh dikategorikan kepada 4 kumpulan: fizikal (F), Lokasi (L), hujan (P) dan gunatanah (M).

Dalam kajian ini 12 faktor kegagalan cerun seperti dalam persamaan 3.3.

### 3.0 HASIL DAN PERBINCANGAN

Model ruangan kegagalan cerun mengambilkira pelbagai jenis kegagalan cerun. Pemilihan model adalah berdasarkan satu siri analisis sensitiviti yang dilakukan. Setelah beberapa siri analisis dijalankan, model yang menunjukkan ketepatan yang terbaik akan dipilih sebagai model akhir.

Analisis sensitiviti dijalankan adalah dengan menggunakan jumlah sampel yang berlainan pada lokasi yang sama. Jumlah sampel data digunakan adalah sama bilangannya diantara kes kegagalan cerun dan tiada kegagalan cerun. Walau bagaimanapun kombinasi sampel kes kegagalan cerun dengan tiada kegagalan cerun adalah berlainan dari hasil model asal yang dipilih secara rawak. **Jadual 5** adalah ringkasan hasil dari pengujian sensitiviti yang dijalankan.


**Jadual 5** Analisis sensitiviti dengan kombinasi sample yang berbeza

Bil	Agihan data (%)			Ketepatan (%)			Keseluruhan
	Latihan	Ujian	Holdout	Latihan	Ujian	Holdout	
1	95	0	5	88.7	-	64.3	76.50
2	85	5	10	71.4	83.3	72.9	75.86
3	75	10	15	77.9	76.5	71.9	75.43
4	65	15	20	73	69.6	79.4	74.00
5	55	20	25	74.5	77.1	73.7	75.10
6	50	20	30	80.2	81.6	68.1	76.63
7	45	25	30	75.7	78.8	72.1	75.53
8	35	30	35	76.3	75.3	73.3	74.96

